



JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA

**PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN
PENOLONG JURUUKUR BAHAN
2010
*UKUR BAHAN***

KOD : PTU02

**SUBJEK : AMALAN DAN PROSEDUR
TENDER/KONTRAK**

TARIKH : 10 MEI 2010

MASA : 2.00 PTG – 5.00 PTG

**DILARANG MEMBUKA KERTAS SOALAN
SEHINGGA DIARAHKAN**

ARAHAN KEPADA CALON

1. **Tuliskan angka giliran serta nombor kad pengenalan anda dengan terang pada tiap-tiap helai kertas jawapan yang digunakan. Jangan sekali-kali menulis nama anda pada kertas jawapan. Kertas jawapan yang mengandungi nama calon akan dianggap tidak sah.**
2. **Pastikan anda mendapat kertas soalan yang lengkap.**
3. **Jawab dalam Bahasa Malaysia sahaja. Istilah-istilah teknikal yang tiada terjemahannya atau sukar diterjemahkan boleh dikekalkan dalam bahasa asalnya. Jawapan yang tidak mematuhi syarat ini tidak akan diberi markah.**
4. **Jawab secukup soalan sahaja mengikut arahan dalam kertas soalan. Jawapan bagi soalan lebih tidak akan diberi markah.**
5. **Semua perkiraan untuk mendapatkan jawapan hendaklah ditunjukkan. Jawapan yang betul tetapi tiada menunjukkan perkiraan tidak akan diberi markah.**
6. **Calon-calon digalakkan membuat lakaran untuk menjetaskan jawapan mereka di mana sesuai.**
7. **Calon-calon dilarang merujuk kepada buku atau sebarang bahan rujukan melainkan yang dibenarkan mengikut arahan yang tercatat dalam permulaan kertas soalan.**
8. **Penggunaan mesin pengira elektronik tanpa kemudahan program adalah dibenarkan melainkan jika dinyatakan sebaliknya di dalam kertas soalan.**
9. **Bagi subjek peperiksaan di mana masa rehat diberi (misalnya, subjek LUKISAN), calon-calon adalah dilarang membawa kertas soalan keluar dari dewan peperiksaan pada bila-bila masa sehingga keseluruhan peperiksaan untuk subjek berkenaan tamat.**
10. **Semua kertas jawapan mesti disusun dan diikat dengan sempurna.**
11. **Calon-calon dilarang mengambil kertas jawapan kosong yang telah disediakan keluar dari dewan peperiksaan pada bila-bila masa.**
12. **Calon-calon tidak dibenarkan keluar dewan peperiksaan dalam tempoh masa 30 minit dari mulanya peperiksaan.**
13. **Tindakan tatatertib akan diambil terhadap calon-calon yang menyerahkan kertas jawapan kosong (tanpa sebarang jawapan) sekiranya mereka tidak mempunyai sebab yang menasabah.**
14. **Calon-calon yang didapati meniru/menipu semasa menduduki peperiksaan akan dikenakan tindakan tatatertib.**
15. **Tindakan tatatertib akan diambil terhadap calon yang mengingkari arahan Ketua Pengawas semasa di dalam dewan peperiksaan.**

PERKARA : PTU02 – AMALAN DAN PROSEDUR TENDER/KONTRAK

ARAHAN KEPADA CALON

*Kertas ini mengandungi sepuluh (10) soalan
Jawab mana-mana **lima (5) soalan sahaja***

Calon tidak dibenarkan merujuk kepada sebarang bahan rujukan.

SOALAN 1

- a) Nyata dan huraikan **tiga (3)** jenis tender.
(6 markah)
- b) Nyatakan **dua (2)** kebaikan dan **dua (2)** keburukan bagi tender-tender yang disenaraikan di atas.
(14 markah)

SOALAN 2

- a) JKR mengiklankan tender-tender dalam dua (2) jenis suratkhbar utama iaitu Utusan Malaysia dan Berita Harian. Senaraikan **tujuh (7)** perkara-perkara yang terdapat di dalam iklan tersebut.
(7 markah)
- b) Senaraikan perkara-perkara yang terkandung dalam Dokumen Meja Tender berasaskan Senarai Kuantiti.
(13 markah)

SOALAN 3

- a) Nyatakan **empat (4)** kriteria penilaian tender yang diambil kira semasa membuat penilaian tender.

(4 markah)

- b) Sebutkan peringkat-peringkat Lembaga Perolehan yang terdapat di JKR Ibu Pejabat dan nyatakan had nilai kuasa meluluskan tender kerja bagi setiap peringkat tersebut.

(4 markah)

- c) Sebutkan keahlian Lembaga Perolehan setiap peringkat.

(12 markah)

SOALAN 4

- a) i) Apakah Bon Pelaksanaan? (2 markah)

- ii) Berapakah had nilai kontrak kerja bekalan dan perkhidmatan yang perlu diadakan bon. Nyatakan bilakah ianya perlu dikemukakan?

(4 markah)

- iii) Berapakah nilai Bon Pelaksanaan untuk Kontrak Kerja?

(2 markah)

- b) Apakah bentuk-bentuk bon pelaksanaan yang boleh diterima untuk kontrak Kerajaan?

(7 markah)

- c) Nyatakan tempoh sah laku Bon Pelaksanaan mengikut keperluan Kontrak Kerja .

(5 markah)

SOALAN 5

- a) Apakah syarat-syarat yang harus dipenuhi oleh kontraktor sebelum bayaran pendahuluan boleh dibayar dan bilakah permohonan boleh dikemukakan?

(5 markah)

- b) Apakah yang dimaksudkan dengan bayaran interim dalam Kontrak Kerja?

(3 markah)

- c) Bilakah bayaran interim dilaksanakan dan berapakah nilai minimum bayaran Interim?

(5 markah)

- d) Berapakah nilai bahan-bahan tak pasang yang boleh dibayar oleh Pegawai Penguasa?

(2 markah)

- e) Berikan **lima (5)** perkara yang boleh dibayar kepada Kontraktor Utama dalam bayaran interim.

(5 markah)

SOALAN 6

- a) Berikan definisi Wang Kos Prima dan Wang Peruntukan Sementara.

(6 markah)

- b) Apakah tujuan Pelarasan Harga Kontrak dan apakah perkara-perkara yang perlu disediakan Pelarasan Harga Kontrak?

(8 markah)

SOALAN 6 (sambungan)

- c) Berikan **tiga (3)** contoh setiap satu skop kerja yang boleh dimasukkan sebagai Wang Kos Prima dan Wang Peruntukan Sementara.

(6 markah)

SOALAN 7

- a) Apakah yang dimaksudkan dengan Gantirugi Tertentu dan Ditetapkan (*LAD*)?

(2 markah)

- b) Berapakah nilai *LAD* bagi projek yang mana Harga Kontrak adalah sebanyak RM10 juta dan kadar faedah Bank adalah 4.5%?

(3 markah)

- c) Nyatakan mengapa Gantirugi Tertentu dan Ditetapkan dikenakan ke atas kontraktor dan apakah tindakan yang perlu dilakukan sebelum ianya dikenakan?

(6 markah)

- d) Sekiranya Pegawai Penguasa adalah Pengarah Kerja Raya Negeri dan Wakil Pegawai Penguasa adalah Jurutera Daerah yang mana Nilai Harga Kontraknya adalah sebanyak RM15 juta, senaraikan Pegawai Yang Diberikuasa Menandatangani Dokumen-dokumen seperti berikut:

- i) Arahan Perubahan Kerja
- ii) Pelarasan Harga Kontrak
- iii) Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa
- iv) Perakuan Siap Kerja
- v) Perakuan Kerja Tidak Siap
- vi) Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan

SOALAN 7 (sambungan)

- vii) Perakuan Bayaran Interim
- viii) Perakuan Muktamad
- ix) Perakuan Muktamad Kontrak Yang Ditamatkan Pengambilan Kerja Kontraktor

(9 markah)

SOALAN 8

- a) Senaraikan lima (5) kemungkiran kontraktor seperti yang termaktub dalam syarat-syarat kontrak JKR 203 yang membolehkan Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor.

(10 markah)

- b) Nyatakan lima (5) sebab yang boleh dipohon oleh kontraktor untuk lanjutan masa berdasarkan Syarat-syarat Kontrak 203.

(10 markah)

SOALAN 9

- a) Apakah yang dimaksudkan dengan Tempoh Tanggungan Kecacatan?

(5 markah)

- b) Berapakah tempoh masa bagi Tempoh Tanggungan Kecacatan?

(5 markah)

- c) Apakah yang dimaksudkan dengan Perakuan Siap Membaiki Kecacatan?

(5 markah)

SOALAN 9 (sambungan)

- d) Bilakah Perakuan Siap Membaiki Kecacatan boleh dikeluarkan?

(5 markah)

SOALAN 10

- a) Berikan definisi Perubahan Kerja seperti yang termaktub dalam Syarat-syarat Kontrak JKR 203.

(5 markah)

- b) Nyatakan kaedah penilaian yang dilaksanakan untuk perubahan kerja seperti yang termaktub dalam Syarat-syarat Kontrak JKR 203A.

(5 markah)

- c) Nyatakan had nilai had perubahan dan pihak berkuasa yang meluluskan Perubahan Kerja.

(10 markah)
